



19 JUL, 2021

FAMA kecualikan sewa tapak pasar tani

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA kecualikan sewa tapak pasar tani

SERAMAI 426 PENERIMA MANFAAT SUMBANGAN KEPERLUAN...
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kanan) ketika menyampaikan bantuan makanan menerusi program MAFI Prihatin di pusat penjagaan warga emas di Bukit Katong, baru-baru ini. Menerusi program MAFI Prihatin melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) seramai 426 penerima di tujuh lokasi dalam daerah Jasin menerima sumbangan keperluan harian selain 1.5 metrik tan seperti komoditi Pisang Sabah, terung, kobis bulat dan sayur sawi diberikan kepada penerima. • Foto BERNAMA

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memberikan pelepasan pembayaran sewa tapak kepada usahawan pasar tani di seluruh negara susulan operasinya tidak dapat dijalankan semasa Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, menerusi inisiatif itu ia akan memberi manfaat kepada seramai 13,181 usahawan tani di 312 lokasi di Malaysia bagi mengurangkan beban mereka dalam tempoh mencaubar ketika ini.

"Bagaimanapun beberapa negeri yang berada di kategori Fasa Dua PPN, mereka akan dibenarkan kembali menjalankan pemiagaan di pasar tani dengan kadar sewa seperti biasa.

"Namun sewa tapak yang dikenakan sebelum ini juga adalah sangat rendah dan berpatutan iaitu antara RM5 hingga RM7 di setiap lokasi bagi membayar kos permit dan penyelenggaraan kepada pihak berkuasa tempatan," katanya kepada pemberita di Rim di sini, baru-baru ini.

Terdahulu beliau mengiringi



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sekitar daerah Jasin.

Zainal berkata, daripada keseluruhan 312 tapak pasar tani di seluruh negara hanya 12 pasar tani yang dibenarkan beroperasi

selepas negeri-negeri tertentu beralih ke Fasa Dua PPN.

Sementara itu katanya, bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan serta pemasaran makanan, FAMA juga telah mewujudkan 55 Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan 2,241 usahawan tani di seluruh

negara.

Katanya, kewujudan PST telah memberi ruang kepada usahawan tani untuk terus menjana pendapatan dengan sebanyak RM57.95 juta nilai jualan direkodkan sepanjang tempoh 1 Jun hingga 15 Julai lepas. -Bernama



19 JUL, 2021

FAMA kecualikan sewa tapak pasar tani

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SERAMAI 426 PENERIMA MANFAAT SUMBANGAN KEPERLUAN... Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kanan) ketika menyampaikan bantuan makanan menerusi program MAFI Prihatin di pusat penjagaan warga emas di Bukit Katong, baru-baru ini. Menerusi program MAFI Prihatin melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) seramai 426 penerima di tujuh lokasi dalam daerah Jasin menerima sumbangan keperluan harian selain 1.